



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 6,Wisma Sri Pahang,

25592 Kuantan.

Tel.: 09-512 6800 Fax.: 09-513 4839

Kawat: 'TREASURER' E-mail: pkn@pahang.gov.my



MS ISO/IEC 17021 : 2006
QS 02121996 CB 01
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 3361



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 3361

Rujukan kami: PERB.PHG.06/001/47 (10)

Tarikh : **20** April 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN

YH. Dato' Sri/ YH. Dato'/ Tuan,

PEMBELIAN ASET DI BAWAH “ONE-OFF” PERUNTUKAN MENGURUS TAHUNAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sebagai makluman YB. Dato'/ YH. Dato'/ tuan, Pentadbiran ini telah menyediakan panduan umum beserta format bagi permohonan pembelian aset menggunakan Peruntukan Mengurus di bawah “One-Off” 35000 bagi melancarkan proses pertimbangan permohonan. Sehubungan itu, pihak YH. Dato' Sri/ YH. Dato'/ tuan dengan hormatnya adalah dipohon untuk menggunakan format yang dikemukakan seperti di Lampiran A1 dan A2 bagi mengemukakan permohonan pembelian aset.
3. Perhatian dan kerjasama YH. Dato' Sri/ YH. Dato'/ tuan berhubung perkara tersebut di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(CHUA BON LING, AAP.)

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

s.k.: YB. Pegawai Kewangan Negeri
KPPKN (Belanjawan)
PPKN (Khidmat Pengurusan)

LAMPIRAN A

PANDUAN UMUM PERMOHONAN PEROLEHAN ASET DI BAWAH PERUNTUKAN “ONE-OFF” 35000

1. Permohonan perlu dikemukakan mengikut format seperti di **Lampiran A1**;
2. Permohonan adalah melibatkan item **bernilai RM 1,000.00 dan ke atas** yang **TELAH diluluskan** di bawah peruntukan mengurus “one-off” 35000 tahunan;
3. Bagi item **Kontrak Pusat Sistem Panel**, Agensi **MESTI** melaksanakan perolehan daripada panel pembekal atau kontraktor yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan berdasarkan harga tawaran di kalangan panel. Permohonan **pembelian di luar Kontrak Pusat Sistem Panel** hanya akan dipertimbangkan dengan justifikasi yang benar-benar kukuh dan munasabah. Rujuk **Lampiran 2.1 PK 2 – Kaedah Perolehan Kerajaan (1PP)**;
4. Kaedah perolehan bagi pembelian aset adalah bersesuaian dengan had nilai dan tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa (**pembelian terus/sebutharga/tender**). Permohonan **pembelian terus MESTI** disokong dengan sekurang-kurangnya **tiga (3) tawaran harga** daripada pembekal;
5. Tawaran harga hendaklah dalam keadaan yang teratur dan disusun mengikut jenis item yang berkaitan **SAHAJA**. Tawaran harga bagi item lain yang tidak berkaitan **TIDAK PERLU** dikemukakan bagi mengelakkan kekeliruan sewaktu proses pertimbangan;
6. Pembelian item **SELAIN** daripada yang telah diluluskan di bawah bajet tahunan perlu mendapat **kelulusan khas** daripada Seksyen Belanjawan, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang; dan
7. Permohonan pembelian aset menggunakan **lebihan baki** peruntukan “one-off” 35000 perlu dikemukakan mengikut format seperti di **Lampiran A2**.

LAMPIRAN A1**FORMAT PERMOHONAN PEROLEHAN ASET DI BAWAH PERUNTUKAN “ONE-OFF” 35000****Contoh:**

Bil.	Nama Item	Item Kontrak Pusat		Kuantiti	Perbandingan Harga (*Sekurang-kurangnya 3 tawaran harga daripada pembekal)	Jumlah Harga (*Kuantiti x Harga seunit)	Peruntukan Yang Diluluskan (RM)	Rujukan Lampiran Tawaran Harga
		Ya	Tidak					
JUMLAH								

LAMPIRAN A2

FORMAT PERMOHONAN PEMBELIAN ASET MENGGUNAKAN LEBIHAN PERUNTUKAN “ONE-OFF” 35000

Jumlah Baki

Contoh:

Bil.	Jumlah Peruntukan Tahunan “One-Off” 35000 (RM)	Jumlah perbelanjaan sebenar (RM)
BAKI		

Item yang dipohon

Contoh: